

Soalan Lazim

Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026

TENTANG CABARAN EAT, DRINK, SHOP HEALTHY 2026

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026?

Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 ("Cabaran") dianjurkan oleh Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB) untuk menggalakkan individu membuat pilihan yang lebih sihat apabila membeli makanan, minuman, pencuci mulut atau barangan dapur. Dengan setiap pembelian barangan yang layak, anda akan mendapat setem digital dan Healthpoints yang boleh ditebus sebagai ganjaran kemudian.

2. Bilakah tempoh Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026?

Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 bermula dari 1 Januari 2026 dan berakhir pada 31 Disember 2026.

MENYERTAI CABARAN

3. Apakah kriteria kelayakan untuk menyertai Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026?

Peserta harus memiliki akaun Healthy 365 yang sah dan berumur sekurang-kurangnya 17 tahun untuk layak menyertai Cabaran, berdasarkan tahun kalendar.

Sekatan ke atas kelayakan hadiah dikenakan kepada kumpulan peserta berikut:

- pekerja dan/atau ahli keluarga terdekat (merujuk kepada suami/isteri, anak, ibu bapa dan/atau adik-beradik pekerja tersebut) HPB.
- semua pekerja mana-mana vendor yang dilantik HPB yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam Cabaran ("Vendor HPB").
- pekerja subkontraktor Vendor HPB yang terlibat secara langsung dalam Cabaran, dan/atau
- semua pekerja jenama yang menyokong HPB untuk Cabaran.

Sila rujuk Terma dan Syarat yang disenaraikan di EatDrinkShopHealthy.gov.sg untuk maklumat lanjut.

4. Saya tidak mahu menyertai Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy, bagaimana saya boleh menarik diri?

Untuk menarik diri daripada cabaran, anda boleh menghubungi talian khas Lembaga Penggalakan Kesihatan kami di 1800 223 1313 atau e-mel kepada hpb_mailbox@hpb.gov.sg untuk mendapatkan bantuan. Panggilan daripada telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800 mungkin dikenakan bayaran.

MEMPEROLEH SETEM DIGITAL DAN HEALTHPOINTS DI KEDAI FIZIKAL YANG MENYOKONG


5. Bagaimanakah saya boleh memperoleh setem digital dan Healthpoints untuk Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 untuk pembelian yang dibuat di keda-kedai yang menyokong?

Selepas menyertai Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 di aplikasi Healthy 365, anda boleh mengunjungi mana-mana kedai yang menyokong untuk membeli barangan Makanan, Minuman, Pencuci mulut atau Barangan Dapur yang layak.

Bagi setiap pembelian barangan yang layak daripada kedai yang menyokong, Resit QR atau Tiket QR akan dikeluarkan. Imbas Resit QR atau Tiket QR dengan aplikasi Healthy 365 anda untuk mendapatkan setem digital dan Healthpoints untuk Pasport Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 anda.

Untuk pembelian barangan yang layak daripada pusat penjaja yang mengambil bahagian, anda boleh menebus Tiket QR dengan kupon anda di gerai acara Eat, Drink, Shop Healthy. Sila rujuk soalan 33 dan 34 untuk maklumat lanjut tentang pembelian yang layak daripada pusat penjaja.

Kemajuan setem mingguan anda untuk Makanan, Minuman dan Barangan Dapur akan dirakam dalam Pasport Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 anda sambil anda lakukan Cabaran.



6. Apakah perbezaan antara Resit QR dan Tiket QR?


Untuk setiap pembelian barangan yang layak, anda akan menerima sama ada Resit QR atau Tiket QR. Kedua-dua Resit QR dan Tiket QR mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk mengkreditkan setem digital dan Healthpoints yang layak ke dalam akaun anda selepas mengimbas.

Rujuk jadual untuk butiran lanjut:

	Resit QR	Tiket QR
Sampel Imej		
Bagaimanakah ia dikeluarkan?	Kod QR dicetak terus pada resit. Kod QR tunggal pada Resit QR akan menunjukkan semua healthpoints yang sepadan dengan jumlah barangan yang layak dalam pembelian anda selepas mengimbas. Peserta perlu meminta daripada juruwang apabila membeli barangan yang layak di kedai yang menyokong.	Slip tiket berasingan mengandungi kod QR yang melengkapkan resit anda. Setiap Tiket QR akan menunjukkan healthpoints untuk satu pembelian barangan yang layak. Jika anda telah membeli 2 barangan, anda akan menerima 2 Tiket QR. Peserta perlu meminta daripada juruwang apabila membeli barangan yang layak di kedai yang menyokong.

7. Di manakah saya boleh mencari pengimbas di aplikasi Healthy 365 untuk mengimbas Resit QR atau Tiket QR?


Selepas log masuk ke aplikasi Healthy 365 anda, pengimbas boleh didapati di bahagian bawah skrin. Klik ikon “Imbas” untuk meneruskan.



8. Adakah terdapat kaedah alternatif untuk mengimbas Resit QR atau Tiket QR?

Anda boleh mengambil gambar atau tangkapan skrin Resit QR atau Tiket QR anda dan muat naik imej tersebut di aplikasi Healthy 365 anda untuk diproses.

Untuk melakukannya, lancarkan pengimbas anda di aplikasi Healthy 365 dan klik ikon “imej” di sudut kanan sebelah atas. Anda akan dihalakan ke pustaka imej telefon anda selepas itu untuk membuat pilihan.



9. Apakah tempoh sah laku Resit QR atau Tiket QR?

Kami amat menggalakkan semua Resit QR dan Tiket QR diimbas sejeurus selepas pembelian.

Resit QR dan Tiket QR tamat tempoh selewat-lewatnya pada penghujung hari kalendar berikutnya dari tarikh pembelian. (Cth. Jika pembelian dibuat pada 1 Januari 2026, kod QR akan tamat tempoh selewat-lewatnya pada 2 Jan 2026, jam 2359).

Setelah tamat tempoh, Resit QR dan Tiket QR terbatal dan tidak layak untuk pembayaran balik.

10. Berapa kali saya boleh mengimbas setiap Resit QR atau Tiket QR?

Setiap Resit QR atau Tiket QR hanya boleh diimbas sekali sahaja, tidak kira bagaimana hasil imbasan; jika setem digital dan Healthpoints berjaya dikreditkan atau jika setem digital dan Healthpoints tidak dikreditkan atas sebab-sebab seperti mencapai had mingguan atau isu teknikal lain.

Jika anda telah mengimbas Resit QR atau Tiket QR selepas memenuhi had mingguan, ini dianggap sebagai sudah ditebus dan tidak lagi sah. Oleh itu, Resit QR atau Tiket QR tidak layak untuk pembayaran balik atau dipindahkan kepada peserta lain.

Untuk setem digital dan Healthpoints yang tidak dikeluarkan kerana masalah teknikal, anda boleh menghubungi pasukan perkhidmatan pelanggan kami di hpb_mailbox@hpb.gov.sg atau 1800 223 1313 dalam tempoh 7 hari kalendar dari tarikh pembelian untuk mendapatkan bantuan lanjut. Panggilan daripada telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800 mungkin dikenakan bayaran.

11. Adakah saya akan menerima Resit QR atau Tiket QR, jika saya membuat pembelian melalui kaunter bayar sendiri, kiosk pesanan sendiri atau rakan kongsi penghantaran makanan luar dari kedai?

Resit QR akan dikeluarkan di kaunter juruwang dan kaunter bayar sendiri di kedai, tidak termasuk transaksi berikut:

- Transaksi FairPrice, Unity dan Kopitiam yang dibayar melalui aplikasi Kumpulan FairPrice di kaunter juruwang, kaunter bayar sendiri atau melalui Scan & Go, jika aplikasi Healthy 365 anda

dipautkan ke aplikasi Kumpulan FairPrice anda. Anda boleh merujuk Soalan 20 bagaimana setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan terus ke akaun Healthy 365 anda bagi aplikasi yang telah dipautkan.

- Transaksi yang dibuat di mesin bayar sendiri di mana anda telah memilih untuk tidak mencetak resit dan kod QR HPB.
- Pesanan yang dibuat di kiosk pesanan sendiri, Scan & Go (di mana aplikasi Healthy 365 anda tidak dipautkan ke aplikasi Kumpulan FairPrice) dan khidmat penghantaran pihak ketiga termasuk pesanan pengambilan sendiri, tertakluk kepada budi bicara kedai.

Bagi kedai yang mengeluarkan Tiket QR, Tiket QR akan dikeluarkan untuk pembelian yang dibuat dari kaunter juruwang sahaja dan tidak terpakai untuk pesanan yang dibuat melalui laman web dalam talian, aplikasi mudah alih dan/atau platform penghantaran pihak ketiga (termasuk pesanan pengambilan sendiri). Tertakluk kepada budi bicara kedai.

MEMPEROLEH SETEM DIGITAL DAN HEALTHPOINTS DARIPADA RAKAN KONGSI DALAM TALIAN YANG MENYOKONG

12. Bagaimanakah saya boleh memperoleh setem digital dan Healthpoints untuk pembelian yang dibuat daripada laman web atau aplikasi mudah alih rakan kongsi dalam talian yang menyokong?

Selepas menyertai Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 di aplikasi Healthy 365, anda perlu memautkan aplikasi Healthy 365 anda dengan akaun rakan kongsi dalam talian yang menyokong.

Healthpoints dan setem digital akan dikreditkan ke akaun Healthy 365 yang dipautkan setelah barangan dihantar, dan selepas transaksi diproses oleh rakan kongsi dalam talian.

13. Bagaimanakah saya boleh memautkan aplikasi Healthy 365 saya dengan aplikasi rakan kongsi dalam talian yang menyokong?

Untuk memautkan aplikasi Healthy 365 anda dengan aplikasi rakan kongsi dalam talian yang menyokong:

- Log masuk ke aplikasi Healthy 365 anda
- Klik tab “Teroka”, dan pilih “Rakan Kongsi”
- Pilih aplikasi rakan kongsi yang anda ingin pautkan
- Baca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.
- Log masuk ke aplikasi rakan kongsi dalam talian anda yang menyokong.

Setelah butiran log masuk anda telah disahkan, anda akan menerima mesej “Berjaya” yang memaklumkan anda bahawa akaun rakan kongsi dalam talian yang menyokong tersebut telah dipautkan dengan aplikasi Healthy 365 anda.

Harap maklum bahawa semua data berkaitan pembelian anda yang dibuat di aplikasi dan/atau laman web dalam talian rakan kongsi akan dikongsikan dengan HPB bagi memudahkan pengesahan dan mengkreditkan setem digital dan Healthpoints dan/atau ganjaran untuk barangan yang layak.

14. Bagaimanakah saya boleh melihat semua rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang telah saya pautkan ke aplikasi Healthy 365 saya?

Untuk melihat senarai rakan kongsi dalam talian yang telah anda pautkan ke aplikasi Healthy 365 anda, pergi ke tab “Profil” di bawah aplikasi Healthy 365 anda, klik pada ikon tetapan di sudut kanan

sebelah atas dan pilih “Akaun Rakan Kongsi”. Anda akan dapat melihat senarai penuh aplikasi rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang dipautkan ke aplikasi Healthy 365 anda.

Sebagai alternatif, anda boleh klik halaman “Rakan Kongsi” daripada tab “Teroka” untuk melihat senarai aplikasi rakan kongsi dalam talian yang dipautkan. Aplikasi rakan kongsi yang sudah dipautkan mempunyai tag hijau “Dipautkan”.

15. Adakah saya masih akan memperoleh setem digital dan Healthpoints jika saya memadam pautan aplikasi Healthy 365 saya daripada rakan kongsi dalam talian yang menyokong?

Tidak, setem digital dan Healthpoints hanya dikreditkan untuk pembelian dalam talian anda daripada rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang dipautkan ke aplikasi Healthy 365 anda. Setelah pautan dipadamkan, anda tidak akan mendapat setem digital dan Healthpoints bagi barangan yang layak yang dibeli selepas itu.

16. Berapa banyak aplikasi rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang boleh saya pautkan ke akaun Healthy 365 saya?

Tiada had bagi bilangan aplikasi rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang boleh dipautkan ke akaun Healthy 365 anda. Bagaimanapun, setiap aplikasi rakan kongsi dalam talian hanya boleh dipautkan ke satu akaun Healthy 365.

17. Bilakah setem digital dan Healthpoints untuk transaksi dalam talian saya akan dipaparkan di akaun Healthy 365 saya

Setem digital dan Healthpoints akan dikreditkan secara automatik ke akaun Healthy 365 anda sejurus barangan yang layak telah dihantar, dan selepas transaksi tersebut diproses oleh rakan kongsi dalam talian yang menyokong.

Jika anda telah menghidupkan notifikasi bagi aplikasi Healthy 365 anda, anda akan menerima notifikasi apabila setem digital dan Healthpoints telah dikreditkan dan anda boleh melihat sejarah transaksi anda untuk kemas kini Healthpoints.

18. Rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang manakah boleh saya pautkan dengan aplikasi Healthy 365 saya?

Untuk melihat rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang boleh anda pautkan dengan aplikasi Healthy 365 anda, klik “Rakan Kongsi” di bawah tab “Teroka” dalam aplikasi Healthy 365.

Sebagai alternatif, anda boleh layari “Tempat Untuk Menang” di EatDrinkShopHealthy.gov.sg untuk senarai penuh rakan kongsi dalam talian yang menyokong.

19. Saya telah memautkan aplikasi Healthy 365 saya ke aplikasi Kumpulan FairPrice, adakah saya akan mendapat setem digital dan Healthpoints bagi semua transaksi FairPrice, Unity dan Kopitiam di kedai yang layak?

Dengan memautkan aplikasi Healthy 365 anda ke aplikasi Kumpulan FairPrice anda, setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan terus ke dalam aplikasi Healthy 365 bagi transaksi FairPrice, Unity dan Kopitiam di kedai yang dibayar melalui aplikasi Kumpulan FairPrice sahaja. Resit QR akan dijana bagi transaksi yang dibuat melalui jenis pembayaran lain, tidak termasuk transaksi Scan and Go, di mana tiada Resit QR akan dijana.

20. Selepas memautkan aplikasi Healthy 365 saya ke aplikasi Kumpulan FairPrice, bolehkah saya mendapat setem digital dan Healthpoints untuk pesanan FairPrice Dalam Talian saya?

Ya, dengan memautkan aplikasi Healthy 365 anda ke aplikasi Kumpulan FairPrice anda, setem digital dan Healthpoints akan dikreditkan terus ke dalam akaun Healthy 365 anda untuk barangan yang layak yang dibeli melalui FairPrice Dalam Talian.

Setem digital dan Healthpoints akan dikreditkan ke akaun Healthy 365 yang dipautkan setelah barangan dihantar, dan selepas transaksi diproses oleh rakan kongsi dalam talian.

Jika anda telah menghidupkan notifikasi bagi aplikasi Healthy 365, anda akan dimaklumkan melalui notifikasi sejurus setem digital dan Healthpoints dikreditkan ke dalam akaun anda dan anda boleh mengesahkannya melalui sejarah transaksi anda.

Jika anda belum memautkan aplikasi Healthy 365 anda ke aplikasi Kumpulan FairPrice, setem digital dan Healthpoints tidak akan dikreditkan untuk pembelian dalam talian anda.

SETEM DIGITAL DAN HEALTHPOINTS – PENGIRAAN DAN HAD MINGGUAN

21. Bagaimanakah setem digital dan Healthpoints diberikan untuk pembelian saya, dan adakah terdapat had bagi setiap akaun?

Setiap barangan pilihan lebih sihat yang layak yang dibeli daripada kedai fizikal atau daripada rakan kongsi dalam talian akan memberikan anda 1 setem dalam Pasport masing-masing (1 pembelian barangan Makanan akan memberi akaun anda 1 setem Makanan)

Setiap setem juga disertakan dengan Healthpoints garis dasar yang sepadan yang akan dikreditkan ke akaun anda.

Anda boleh merujuk kepada jadual di bawah untuk pecahan:


Kategori	Setem digital dikeluarkan bagi setiap pembelian barangan yang layak	Healthpoints Garis Dasar dikeluarkan bagi setiap setem berdasarkan kategori	Bilangan maksimum setem digital yang boleh dikumpulkan oleh setiap peserta dalam masa seminggu*
 Makanan yang Layak	1	10	15
 Minuman yang Layak	1	5	15
 Barangan Dapur yang Layak	1	5	20

*Definisi seminggu adalah satu kitaran Isnin hingga Ahad.

22. Mengapakah setem yang saya peroleh minggu lepas, tidak tertera di Pasport saya?

Pasport Makanan, Minuman dan Barangan Dapur akan dikemas kini setiap Isnin, jam 00:00. Setem digital anda yang lalu masih disimpan sebagai sebahagian daripada kemajuan anda, walaupun Pasport dikemas kini setiap minggu.

Anda boleh memeriksa kiraan setem semasa anda dengan merujuk kepada nombor yang tertera di kedudukan setem. Ini selaras dengan bilangan setem digital yang dikumpulkan sehingga kini.



PROMOSI HARI MENANG DAN BONUS TAMBAHAN

23. Apa itu 'Hari Menang'?

"Hari Menang" adalah hari-hari terpilih sepanjang tempoh Cabaran di mana pembelian daripada kedai atau rakan kongsi dalam talian yang menyokong terpilih akan memberi anda Healthpoints berganda bagi setiap setem yang anda berjaya perolehi.

Pengguna Hari Menang hanya terpakai bagi mata garis dasar untuk setiap kategori dan tidak terpakai bagi Healthpoints ganjaran bonus tambahan yang telah anda perolehi.

Untuk melihat Hari Menang terkini, rujuk EatDrinkShopHealthy.gov.sg.


24. Apakah yang saya berpeluang menangi apabila saya mendapat ikon ganjaran dalam Pasport saya?

Sambil anda meneruskan perjalanan melalui Cabaran dan mencatatkan kemajuan anda di Pasport Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy, terdapat kedudukan tertentu di Pasport yang akan memberi anda ganjaran tambahan di samping Healthpoints garis dasar untuk setiap setem.

Kedudukan setem ini ditandakan dengan ikon ganjaran di Pasport dan ganjaran yang anda berpeluang menangi termasuk hadiah, e-baucar, Healthpoints bonus atau tip kesihatan. Ganjaran berbeza-beza bagi kedudukan setem yang berbeza.


Untuk mengetahui ganjaran yang boleh anda menangi, klik pada setem digital dengan ikon ganjaran untuk melihat senarai. Jika terdapat lebih daripada satu ganjaran disenaraikan, anda akan memenangi

salah satu ganjaran secara rawak.




25. Saya telah dapat ikon ganjaran untuk pembelian saya, di manakah saya boleh melihat ganjaran tambahan yang telah saya menangi?


Untuk pembelian secara fizikal, ringkasan ganjaran yang anda telah perolehi daripada imbasan akan tertera di skrin aplikasi apabila mengimbas Resit QR atau Tiket QR.



Untuk melihat eBaucar anda, klik “Baucar” di bawah “tab Ganjaran”



Untuk melihat Healthpoints anda, klik “Dompet” di bawah “tab Ganjaran”.



MENGENAL PASTI KEDAI FIZIKAL, RAKAN KONGSI DALAM TALIAN YANG MENYOKONG DAN BARANGAN YANG LAYAK

26. Bagaimanakah saya boleh mengenal pasti kedai fizikal dan rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang membolehkan saya memperoleh setem digital dan Healthpoints?

Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 membolehkan peserta mendapat setem digital dan Healthpoints bagi pembelian barangan yang layak daripada kedai fizikal dan rakan kongsi dalam talian yang menyokong.

Senarai penuh kedai fizikal dan rakan kongsi dalam talian yang menyokong boleh dilihat di EatDrinkShopHealthy.gov.sg.

Hanya pembelian yang dibuat daripada kedai fizikal dan rakan kongsi dalam talian yang menyokong ini layak untuk setem digital dan Healthpoints.

27. Bagaimanakah saya boleh mengetahui barangan Makanan, Minuman /Pencuci mulut dan Barangan Dapur yang layak?

Setem digital dan Healthpoints boleh diperoleh untuk pembelian barangan yang layak daripada kedai fizikal dan rakan kongsi dalam talian yang menyokong.

Makanan, Minuman, Pencuci mulut dan Barangan Dapur yang Layak adalah seperti berikut:

- (i) **Makanan yang Layak** merujuk kepada sebarang barangan makanan yang dijual di restoran, kedai kopi, medan selera, gerai pusat penjaja, kafe, kios makanan dan restoran perkhidmatan pantas yang menyokong, atau dalam talian di laman web atau aplikasi mudah alih rakan kongsi yang menyokong yang dilabelkan dengan mana-mana pengecam visual Program Makan Lebih Sihat HPB. Sila rujuk kepada contoh-contoh di bawah. Makanan yang Layak mungkin berbeza atau berlainan dengan setiap kedai.



- (ii) **Minuman yang Layak** merujuk kepada minuman yang tersenarai di bawah yang dijual di restoran, kedai kopi, medan selera, gerai pusat penjaja, kafe, kios makanan, restoran perkhidmatan pantas yang menyokong, atau dalam talian di laman web atau aplikasi mudah alih rakan kongsi yang menyokong.
- a. Air botol / air paip / air botol berkilau atau air botol suling.
 - b. Minuman dalam kotak / tin dengan Simbol Pilihan Lebih Sihat (HCS)
 - c. Barli, Air Cincau, Teh Cina, Teh Jepun, Teh Korea, Bunga Tulen, Teh daun tulen **tanpa susu dan gula**.
 - d. Kopi atau Teh: O Kosong, **tanpa susu dan gula**
 - e. Espresso dan Americano **tanpa susu dan gula**
 - f. Minuman / susu kacang soya segar **tanpa gula dan sirap** (hanya terpakai di Pusat Penjaja dan Kedai Kopi yang menyokong).

Rakan kongsi yang mengambil bahagian yang menawarkan minuman yang tersenarai di atas akan dilabelkan dengan sekurang-kurangnya satu daripada pengecam visual Program Makan Lebih Sihat HPB berikut di hadapan kedai.



- g. Minuman yang diluluskan yang tidak dipaparkan dalam a hingga f di atas (cth. Bubble tea, Ice lemon tea dan lain-lain) yang dilabelkan dengan sekurang-kurangnya salah satu pengecam visual Program Makan Lebih Sihat HPB berikut seperti yang tertera di bawah.



Nota: Semua Milo (termasuk Milo Kosong, Milo C atau Milo Kurang Manis) bukan minuman yang layak dan tidak layak untuk Resit QR atau Tiket QR.

- (iii) **Pencuci mulut yang Layak** merujuk kepada mana-mana pencuci mulut yang kurang gula dan merupakan sumber serat makanan dan dijual di kedai makanan dan minuman yang menyokong, atau dalam talian di laman web atau aplikasi mudah alih rakan kongsi yang menyokong yang dilabelkan dengan pengecam visual Program Makan Lebih Sihat di bawah.



- (iv) **Barangan Dapur yang Layak** merujuk kepada mana-mana produk yang dijual di pasar raya, kedai di stesen minyak dan kedai serbaneka yang menyokong, atau dalam talian di laman web atau aplikasi mudah alih rakan kongsi yang menyokong yang mempunyai Simbol Pilihan Lebih Sihat.



Eat All Foods in Moderation

ACARA LAPANGAN RODA PASTI MENANG

28. Apa itu acara Roda Pasti Menang?

Acara Roda Pasti Menang ialah permainan yang mana peserta yang layak boleh memutar roda untuk memenangi hadiah dan menebus hadiah tersebut dengan segera di gerai.

29. Di manakah acara Roda Pasti Menang akan diadakan?

Acara-acara ini mungkin diadakan di lokasi serata Singapura sepanjang tempoh Cabaran. Untuk senarai penuh lokasi dan jadual acara, sila layari EatDrinkShopHealthy.gov.sg.

30. Bagaimanakah saya boleh layak untuk putaran di acara Roda Pasti Menang?

Anda harus mempunyai akaun Healthy 365 yang sah dan telah menyertai Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 untuk menyertai acara Roda Pasti Menang.

Setiap 15 Healthpoints yang anda kumpulkan dalam aplikasi Healthy 365 anda daripada Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy 2026 pada hari acara akan melayakkan anda untuk 1 putaran di Roda Pasti Menang. Anda boleh gabungkan pembelian anda daripada kedai yang menyokong yang berbeza untuk mengambil bahagian, sehingga maksimum 3 putaran sehari. Anda perlu mengimbas Kod QR

yang disediakan oleh kakitangan di lokasi untuk pengesahan sebelum setiap putaran. Sebagai contoh, jika anda layak untuk 3 putaran, anda perlu mengimbas kod QR 3 kali sebelum memutar.

Bilangan Healthpoints	Bilangan putaran	Bilangan kod QR untuk diimbas di gerai acara
15	1	1
30	2	2
45	3	3
60	3*	3



** Bilangan peluang Roda Pasti Menang dihadkan kepada maksimum 3 sehari, walaupun terdapat lebih Healthpoints.*

31. Adakah terdapat had kepada bilangan putaran yang boleh saya peroleh untuk Roda Pasti Menang?

Setiap pemegang akaun Healthy 365 mempunyai maksimum 3 putaran sehari, tanpa mengira lokasi acara yang berlangsung pada hari yang sama.

32. Apakah bentuk pengesahan yang perlu saya jalani untuk menyertai Roda Pasti Menang?

Sebelum penyertaan anda dalam Roda Pasti Menang, kakitangan di lokasi akan mengesahkan Healthpoints dalam aplikasi Healthy 365 anda untuk memastikan anda layak mengambil bahagian. Setiap peserta mempunyai maksimum 3 putaran sehari.

Proses Pengesahan untuk Healthpoints	
1. Log masuk ke aplikasi Healthy 365 anda dan klik “Transaksi” di bawah tab Ganjaran.	2. Semak Healthpoints di bawah Transaksi. Cth. Anda layak untuk 1 putaran di acara Roda Pasti Menang pada 7 Mei, kerana anda telah memperoleh 25 Healthpoints pada 7 Mei daripada Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy.
	


33. Bagaimanakah saya boleh menyertai acara Roda Pasti Menang yang diadakan di pusat penaja?

Untuk acara Roda Pasti Menang yang diadakan di pusat penaja, anda perlu membeli makanan atau minuman yang lebih sihat daripada gerai penaja yang mengambil bahagian untuk kupon Makanan atau Minuman dikeluarkan.

Dengan kupon Makanan atau Minuman ini, anda boleh ke gerai acara Eat, Drink, Shop Healthy di lokasi selepas itu untuk menukar kupon dengan Tiket QR Makanan atau Minuman yang sepadan. Maksimum 4 tiket Makanan dan 4 tiket Minuman boleh ditebus oleh setiap pengguna setiap hari.

Setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan ke akaun anda selepas mengimbas Tiket QR dan setiap 15 Healthpoints yang anda kumpulkan dalam aplikasi Healthy 365 anda daripada Cabaran Eat, Drink, Shop Healthy pada hari acara akan melayakkan anda untuk mendapat satu (1) peluang Roda Pasti Menang.

Imej rujukan untuk kupon Minuman (kiri) dan Kupon Makanan (kanan).



34. Bagaimanakah saya boleh mengetahui gerai yang mengambil bahagian daripada acara Roda Pasti Menang yang diadakan di pusat penaja?

Gerai penaja yang mengambil bahagian dalam acara Roda Pasti Menang yang diadakan di pusat penaja akan mempamerkan pelekat ini.



SOKONGAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

35. Mengapakah setem digital, Healthpoints dan/atau ganjaran saya tidak dikreditkan ke akaun saya?

Ini mungkin berlaku kerana salah satu daripada sebab berikut:

- Anda telah mencapai had mingguan untuk akaun anda. Sila rujuk Soalan 21 tentang had mingguan.
- Percanggahan antara kod bar atau barangan yang didaftarkan di bawah Program Pilihan Lebih Sihat/Program Makan Lebih Sihat dan barangan sebenar yang dijual di kedai yang menyokong.
- Pembelian dalam talian anda tidak berjaya dihantar atau diproses.

Anda boleh menyerahkan permintaan pembayaran balik untuk kami siasat lebih lanjut dan setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan ke akaun anda selepas pengesahan.

Rujuk soalan 38 tentang cara untuk menyerahkan permintaan pembayaran balik dan dokumen sokongan yang diperlukan.

36. Saya menerima Resit QR yang tidak dicetak dengan jelas atau Tiket QR yang saya tidak boleh imbas, apa perlu saya lakukan?

Disebabkan mutu cetakan mesin yang berbeza-beza, sesetengah kod QR yang dicetak mungkin pudar atau terpotong. Oleh itu, disebabkan mutu kod QR yang kurang baik, pengimbas aplikasi Healthy 365 tidak berjaya membaca dan memproses kod QR.

Anda boleh menyerahkan permintaan pembayaran balik untuk kami siasat lebih lanjut dan setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan ke akaun anda selepas pengesahan.

Rujuk soalan 38 tentang cara untuk menyerahkan permintaan pembayaran balik dan dokumen sokongan yang diperlukan.

37. Apa perlu saya lakukan jika saya tidak diberikan Resit QR atau Tiket QR untuk pembelian saya yang layak?

Sila pastikan pembelian anda dibuat daripada kedai fizikal atau rakan kongsi dalam talian yang menyokong yang tersenarai di EatDrinkShopHealthy.gov.sg.

Untuk pembelian yang layak, anda boleh menyerahkan permintaan pembayaran balik untuk kami siasat lebih lanjut dan setem digital dan Healthpoints yang layak akan dikreditkan ke akaun anda selepas pengesahan.

Rujuk soalan 38 tentang cara untuk menyerahkan permintaan pembayaran balik dan dokumen sokongan yang diperlukan.

38. Bagaimanakah saya boleh menyerahkan permintaan pembayaran balik dan apakah dokumen sokongan yang saya perlu sediakan?

Untuk menyerahkan permintaan pembayaran balik melalui aplikasi Healthy 365, ikuti langkah mudah berikut:

1. Log masuk ke aplikasi Healthy 365 anda.
2. Pergi ke tab Profil dan klik ikon tetapan  di sudut kanan sebelah atas.
3. Tatal ke bawah ke "Sokongan" dan klik "Hubungi Meja Bantuan"
4. Pilih "Imbasan QR" sebagai topik anda di bawah Soalan 4 dan serahkan dokumen sokongan yang berkaitan.

Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi pasukan perkhidmatan pelanggan kami di hpb_mailbox@hpb.gov.sg atau 1800 223 1313 dalam tempoh 7 hari kalendar dari tarikh pembelian. Panggilan daripada telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800 mungkin dikenakan bayaran.

Dokumen sokongan berikut diperlukan untuk kami mengesahkan kelayakan pembayaran balik anda.

- Imej yang jelas bagi resit penuh kedai atau dalam talian dengan nombor transaksi, tarikh pembelian/setem masa, butiran kedai dan pecahan barangan yang dibeli dengan kuantiti masing-masing.
- Imej yang jelas bagi Tiket QR atau Resit QR yang diterima. (Terpakai untuk senario yang mana Tiket QR atau Resit QR dikeluarkan)
- Imej barangan yang layak dibeli yang mempamerkan butiran pakej dengan pengecam dan/atau Simbol Pilihan Lebih Sihat, dan kod bar barangan tersebut. (Terpakai bagi senario pembelian di kedai fizikal yang mana kod QR tidak boleh diimbaskan, atau senario pembelian di kedai fizikal dan dalam talian apabila setem digital dan Healthpoints tidak selaras dengan bilangan barangan yang dibeli.)

39. Apakah waktu operasi untuk talian penting perkhidmatan pelanggan dan bagaimana saya boleh menghubungi mereka untuk mendapatkan bantuan?

Anda boleh menghubungi pasukan perkhidmatan pelanggan kami di hpb_mailbox@hpb.gov.sg atau 1800 223 1313. Panggilan daripada telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800 mungkin dikenakan bayaran.

Talian penting kami beroperasi 8 pagi hingga 6 petang, Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum.